

08/05/2003

PM beri idea majukan sektor pertanian

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat beberapa cadangan bagi meletakkan hala tuju sektor pertanian di landasan lebih maju dan mampu berdaya saing seperti di negara lain.

Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet semalam selepas dua bulan bercuti, memberikan cadangan itu berdasarkan apa yang beliau lihat ketika bercuti di beberapa negara.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Dr Mahathir memberikan beberapa idea berdasarkan pengalamannya ketika bercuti serta apa yang boleh dimanfaatkan di negara ini.

"Beliau seperti biasa dalam mood yang baik dan ceria selain berseloroh dengan jemaah menteri. Beliau mengeluarkan buku nota kecil dan membuat beberapa cadangan berdasarkan apa yang dilihatnya di luar negara dan boleh dilaksanakan di negara ini terutama membabitkan sektor pertanian.

"Beliau mahu sektor pertanian tidak terlalu mengikut cara lama penanaman satu tanaman, seperti padi dan projek tanah rancangan seperti Felda. Beliau sangat prihatin terhadap nasib petani," katanya selepas mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Dr Mahathir yang kembali ke tanah air Jumaat lalu selepas bercuti sejak Mac lalu, memulakan tugas sebagai Perdana Menteri Isnin lalu. Sepanjang bercuti selama dua bulan, Dr Mahathir melawat beberapa negara seperti Brazil, Argentina, Perancis, Jepun dan Greece.

Sebelum ini, Perdana Menteri menyarankan usaha lebih menyeluruh dibuat bagi memodenkan sektor pertanian yang masih lagi ketinggalan, terutama dalam pentadbiran, penggunaan teknologi serta pembangunan dan penyelidikan.